



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

Impact Digital Community Tourism (IDCT) 2023

Penulis: Noraini Sa'ait

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menerima jemputan untuk menyertai program *Impact Digital Community Tourism* (IDCT) 2023 anjuran Pusat Keusahawanan UNIMAS dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program IDCT 2023 ini merupakan program yang melibatkan pelajar bagi menyokong perusahaan pelancongan komuniti untuk mencapai matlamat sosial dan alam sekitar yang unik dengan memecahkan halangan yang wujud dalam pasaran pelancongan melalui bantuan pemasaran digital.



Peserta-peserta IDCT 2023 Bootcamp dari pelbagai institusi pengajian tinggi sekitar Sabah dan Sarawak.

Bagi pasukan UiTM Kampus Mukah, sasaran wakil pasukan adalah pelajar-pelajar yang telah mengambil subjek MGT243 (*Introduction to Marketing*) dan MGT334 (*ICT Application in Business*). Seramai lima orang pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah dipilih untuk menyertai program ini bersama dengan seorang mentor iaitu Puan Noraini Binti Sa'ait.

Pelajar yang terlibat adalah Awang Razin bin Awg Baderulhisam, Wan Farah Nurina binti Wan Ahmadi, Sharifah Nur Afiah Binti Wan Morshidi, Sally Deborah anak Danes dan Fadzreen binti Mustapha. Program yang dilancarkan pada bulan Oktober 2023 ini akan melalui empat fasa yang dijangka akan berakhir sekitar bulan Jun 2024. Peserta telah melengkapkan Fasa 1 iaitu sesi taklimat dan pengenalan, disusuli dengan Fasa 2 iaitu Online Bootcamp selama dua (2) hari. Selepas itu peserta juga telah menghadiri Bootcamp bertempat di Sumiran Eco Park & Resort selama tiga hari iaitu pada 24 - 26 November 2023 lepas.



Poster jemputan program

Melalui program ini, pelajar dilatih dengan kemahiran pemasaran digital dan didedahkan dengan pengetahuan pelancongan komuniti. Program ini dijalankan bertujuan agar pelancongan komuniti ditingkatkan melalui penjenamaan, peningkatan kedatangan pelancong dan penghasilan pendapatan. Program IDCT ini melibatkan 16 pasukan sekitar universiti awam dan kolej komuniti di Sabah dan Sarawak.